

# UNITEN kuasa baharu bola jaring SUKIPT

Oleh Izzali Ismail - September 14, 2024 @ 3:58pm  
[bhsukan@bh.com.my](mailto:bhsukan@bh.com.my)



Pasukan bola jaring UNITEN meraikan kejayaan memenangi pingat emas pada saingan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (SUKIPT) 2024 di Arena Sukan Universiti Utara Malaysia (UUM) semalam. - NSTP/ IZZALI ISMAIL

SINTOK: Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) menjadi kuasa baharu bola jaring saingan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2024 apabila memenangi pingat emas pada aksi final di Universiti Utara Malaysia (UUM) semalam.

Lebih manis, skuad kendalian Nooraliza Azami yang diperkuatkan dengan enam pemain yang beraksi di Sukan Malaysia (SUKMA) menewaskan juara bertahan Universiti Teknologi Mara (UiTM) dalam aksi mendebarkan sebelum menang 30-29.

Pingat gangsa pula menjadi milik Universiti Putra Malaysia (UPM) selepas menewaskan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) 42-29.

Menurut Nooraliza, beliau mengakui kejayaan anak buahnya itu adalah satu bonus selepas sekadar menetapkan sasaran mara ke separuh akhir.

"Saya menghargai usaha semua pemain kerana mereka kini berada dalam peperiksaan akhir dan mereka mampu membahagikan masa dan menguruskan masa latihan dan belajar dengan baik.

"Ini adalah hasil pengorbanan yang dilakukan mereka," katanya.